



PEKELILING RASMI NAIB CANCELOR BIL. 4/2021

**PENUTUPAN SELURUH PREMIS
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA DI SEPANJANG PELAKSANAAN
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) FASA 1**

1.0 TUJUAN

Pekeliling Rasmi Naib Canselor Bil. 4/2021 ini adalah bagi memaklumkan keputusan yang telah dibuat oleh Jawatankuasa Eksekutif Universiti mengenai **Pelanjutan Penutupan Seluruh Premis, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.**

2.0 PELAKSANAAN PENUTUPAN PREMIS UTHM

- 2.1 Sebagai langkah membendung penularan wabak COVID-19, Kerajaan telah mengumumkan Pelan Pemulihan Negara (PPN) yang menetapkan tiga (3) indikator utama yang perlu dicapai sebelum keputusan peralihan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Fasa 1 ke Fasa 2 dibuat. Berdasarkan jumlah kes terkini dan pengumuman daripada Menteri Kanan Pertahanan pada 27 Jun 2021 yang lalu, tempoh PKP Fasa Pertama yang dilanjutkan bermula 15 Jun hingga 28 Jun 2021 tidak akan ditamatkan.
- 2.2 Sehubungan dengan itu, merujuk kepada PPN yang telah digariskan serta perincian SOP yang telah dikeluarkan oleh pihak Majlis Keselamatan Negara bertarikh 29 Jun 2021, seluruh Kampus Universiti Tun Hussein Onn Malaysia meliputi Kampus Induk Parit Raja (termasuk Kampus Bandar) dan Kampus Cawangan Pagoh serta sebuah pusat Latihan iaitu Pusat Minda Emas (PuMAS) yang beroperasi di Tanjung Laboh **akan terus ditutup di sepanjang tempoh PKP Fasa 1.**
- 2.3 Semua staf akademik dan pentadbiran adalah diberikan kebenaran untuk Bekerja Dari Rumah (WFH) dan staf perlu merekodkan kehadiran menggunakan *web attendance*, mengikut tempoh masa bekerja sehari yang telah ditetapkan.
- 2.4 Dalam memastikan perkhidmatan Universiti dapat disampaikan dengan baik, kehadiran ke pejabat adalah dibenarkan bagi perkhidmatan perlu berdasarkan keutamaan kepada proses kerja yang tidak boleh dilaksanakan secara Bekerja dari Rumah (WFH), dengan jumlah kehadiran tidak melebihi 20%.

-2-

- 2.5 Operasi kampus Universiti Tun Hussein Onn Malaysia akan berjalan berdasarkan ketetapan yang telah dibuat melalui beberapa pekeliling berikut:
- i. Pekeliling Pengurusan Bilangan 10 Tahun 2021, bertarikh 24 Mei 2021 : Pengoperasian Universiti Tun Hussein Onn Malaysia Semasa Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan 3.0 Diperketatkan
 - ii. Surat Pekeliling Pengurusan Bil. 3 Tahun 2021, bertarikh 31 Mei 2021 : Penambahbaikan Pengoperasian Universiti Tun Hussein Onn Malaysia Dalam Tempoh Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (*Total Lockdown*) Fasa Pertama
 - iii. Surat Pekeliling Pengurusan Bil. 4 Tahun 2021, bertarikh 09 Jun 2021 : Pemakaian Surat Kebenaran Bertugas Daripada Kementerian Pengajian Tinggi Dalam Tempoh Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Fasa Pertama
- 2.6 Ketetapan berkaitan aktiviti pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan hal ehwal pelajar akan dimaklumkan dari semasa ke semasa melalui Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni).

3.0 TARIKH KUATKUASA

Pekeliling ini adalah berkuatkuasa serta merta dari tarikh ianya dikeluarkan. Adalah diharapkan agar semua pihak sentiasa mematuhi kesemua langkah-langkah pencegahan dan SOP keselamatan dan kesihatan yang telah dikeluarkan bagi mengelakkan penularan COVID-19 daripada berleluasa.

Sekian, terima kasih.

“DENGAN HIKMAH KITA MENEROKA”
“PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19”

Yang benar,



YBHG PROF. DATUK TS. DR. WAHID BIN RAZZALY
Naib Canselor
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
30 Jun 2021